

16/06/2002

Memikir kuota di puncak Genting Khyber

PENGEMBARAAN kilat saya dan tiga rakan, Syed Nadzri Harun (Penolong Pengarang New Straits Times), penulis khas Sharifah Al Attas dan jurugambar Hamsiah Abu Bakar mendaki (dengan kereta) Khyber Pass (saya kira kalau diterjemahkan Genting Khyber) yang bersejarah itu sekali gus amat gembira, menakut dan mengerikan.

Apa tidaknya, Khyber Pass (panjangnya 33 batu atau 53 kilometer), menembusi banjaran (range) Gunung Hindu Kush yang menyambungkan dua negara dan kota - Afghanistan dan Pakistan, Kabul dengan Peshawar itu tingginya antara 180 dan 300 meter dan lebarnya antara tiga dan 137 meter, didindingi permukaan batu-batan yang amat curam dan amat membahayakan.

Namun begitu saya membuat keputusan serta-merta tanpa persiapan untuk ke Khyber Pass sebabnya bak kata Mat Salleh - obvious, mudah dilihat. Khyber Pass adalah jalan bersejarah yang digunakan oleh Orang Persia (kini Iran), Alexander the Great dan Orang Tartars bagi menyerang dan (menakluki) India. Orang Tartars telah memperkenalkan Islam ke India. Sejarah Khyber Pass sebagai pintu masuk yang strategik bermula sejak 326 tahun sebelum Nabi Isa apabila Alexander the Great mara ke India melaluinya.

Apabila saja Khyber Pass disebut, imaginasi saya terbuka luas - seolah 1,000 muka surat sejarahnya terbentang: kisah cinta, ketahanan, taat setia, keberanian, tragedi, kegemilangan dan juga keganasan, kelaziman serta kelakuan pengecut (cowardice).

Saya dan tiga rakan tidak mahu melepaskan peluang seumur hidup ini apapun risiko kami sedia menerimanya untuk menziarahi tempat yang strategik dan lebih tua lagi dari banyak tempat sejarah di alam ini.

Kami menaiki dua buah kereta Honda Civic yang dipandu oleh orang Pakistan, seorang pegawai protokol dan dari Peshawar ke sempadan Pakistan - Afghanistan ditemani seorang ranjer bersenjata senapang automatik Kalashnikov yang termashyur itu dari pasukan Khyber Rifles yang penuh dengan legenda (diasaskan oleh penjajah British pertengahan 1800-an) kerana pemerintah tempatan tidak mahu mengambil risiko tetamunya diganggu atau berlaku angkara yang lebih buruk dari itu. Perjalanan ke Khyber Pass dan Peshawar ada kalanya amat berbahaya walaupun di zaman IT ini (era teknologi maklumat).

Sebenarnya saya tidak takut tentang keselamatan. Apa yang membuat jantung saya soalan sentiasa di bibir dan ngeri ialah genting yang tinggi dan sempit itu. Saya dapat melihat kereta berduyun-duyun mendaki jalan yang bagai ular dipalu; saya lihat kereta mendaki lereng gunung seperti perarakan semut dari buntut busut ke puncaknya; mereka mendaki piramid dari dasar leper ke puncaknya.

Perjalanan dari Islamabad ke Khyber Pass memakan masa empat jam satu hala, walaupun keadaan jalan amat berbahaya trafik sibuk dan yang menakutkan jarang berlaku kemalangan. Jelas orang Pathan dan Pashtun lebih bijak memandu dari orang Malaysia. Sepanjang perjalanan 8 jam itu saya lihat hanya dua bengkel baiki kereta sahaja. Di Jalan Klang Lama saja berpuluh, Bahkan di seluruh Pakistan tidak banyak bengkel baiki kereta kerana kehidupan susah mereka menjaga harta benda terutama kereta mereka - alat mencari rezeki bagi majoriti bukan untuk bersiar-siar - dengan baik dan teliti.

Apa yang membeban saya dan rakan ialah hawa; suhu tinggi, panas terik dan matahari memancar dan menikam. Dalam kereta hawa dingin tidak berkesan kerana terlampau panas seperti air batu cair kerana hangat tetapi lebih

baik dari luar. Di Khyber Pass (Sabtu 8 Jun) suhunya melebihi 100 darjah Fahrenheit. Saya nyaris-nyaris pitam kerana kepanasan dan mata kelabu kerana dipancar cahaya matahari- cermin mata hitam Ray-Ban saya telah hilang di Jakarta (saya terbang dari Jakarta setelah mengiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi) ke Islamabad melalui Abu Dhabi. Saya juga tiada topi. Patutnya tanpa itu dan pakaian sesuai saya tidak pergi tetapi daya tarikan Khyber Pass kuat. Hanya mereka yang buta sejarah dan romance saja tidak merebut peluang ke sana.

Wajarkah saya cadangkan anda ke sana? Ya - kalau anda ada kesanggupan dan kemampuan. Beribu-ribu pelancong ke Khyber Pass setiap tahun dan bilangannya terus meningkat. Tiap tetamu Pakistan memohon dibawa melawat ke Khyber Pass. Saya telah ditawarkan melawat Azad Kashmir (Wilayah Kashmir diperintah Pakistan) atau kedua-duanya tetapi oleh kerana kesuntukan masa saya pilih Khyber Pass sebabnya saya telah ke Kashmir (Wilayah India) tahun lepas.

Semasa merana kepanasan saya tiba-tiba mati kutu, hilang pemikiran. Berjalan tanpa tujuan. Singgah di sebuah kedai, cuba hendak telefon ke pejabat tidak berjaya. Nah, dalam terikan kepanasan dan peluh tidak keluar (iklimnya tidak humid (kelembapan) seperti kita sungguh pun amat panas) minda saya tiba-tiba kembali tergerak memikir (barangkali kerana terlampau hangat) saya ingat isu hangat di tanah air: Kuota. Pertengkaran antara Datuk Seri Ling Liong Sik dan Datuk Hishamuddin Hussein Onn.

Apa hangatnya? Ribut kecil dalam cawan air tidak berapa hangat. Kabinet dipengerusikan oleh Abdullah memutus tiada kuota bagi Bumiputera ke Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tetapi anak Bumiputera yang mahu ke sana kalau diterima maka kerajaan akan membantu membayar yuran studi.

Tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir semalam, sekembalinya dari Eropah, kuota bagi Bumiputera di IPTS tak payah kerana ia akan menyekat serta menghadkan jumlah kemasukan lebih ramai mereka ke situ.

Kuota ialah terminologi yang memberi keutamaan kepada mereka yang lemah bagi memasuki pekerjaan, universiti atau dalam lain-lain hal. Di Amerika Syarikat kuota diwujudkan untuk rakyat AS kulit hitam sebagai sagu hati atau pun kompensasi lantaran mereka `dianaktirikan' selama dua ratus tahun.

Perkataan kuota (quota) berasal dari Latin bermakna "berapa banyak?" Di Amerika Syarikat ada kuota untuk orang asing masuk ke AS dan bagi menjadi rakyatnya. Pada satu ketika orang Yahudi dan orang Amerika beragama Katholik dihad bilangan untuk belajar ilmu perubatan. Sekarang pun kuota berjalan di AS secara tidak langsung, tidak diperkatakan tetapi terlaksana. Kita bukan saja negara yang ada kuota hatta di Eropah. Juga di India bagi kaum minoriti yang daif dan tidak cergas.

Kuota adalah satu subjek yang sensitif di manapun. Ramai orang yang bermaruah tidak mahunya kerana ia melambangkan kelemahan dan kedaifan; sesuatu yang memalukan dan juga tidak adil kepada puak lain. Dalam debat tentang kuota kalau di AS perkataan seperti ini bergema; affirmative action (tindakan yang menyebelah satu pihak) matlamat (seperti kita 30 peratus kekayaan negara dan korporat) serta reverse discrimination - diskriminasi terbalik. Apapun kuota adalah satu sistem yang dikecam dan memberi satu bangsa itu stigma - yakni reputasi yang mengaibkan seperti keaiban yang dikaitkan dengan orang cacat.

Kuota mulai diadakan di negara ini masa penjajah lagi walaupun tidak di bidang pendidikan. Umpamanya saya masuk ke MCKK tahun 1948 berdasarkan kuota - Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu dan Johor, iaitu Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Unfederated Malay States) walaupun sistem UMS dan FMS - Federated Malay States (Perak, Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor) telah lumpuh kemasukan kononnya pelajar terpintar ke MCKK berdasarkan dua orang tiap tahun bagi Negeri Kelantan, Terengganu, Perlis, Johor, Kedah dan

Negeri Selat - Melaka dan Pulau Pinang - manakala empat atau lebih bagi Negeri Melayu Bersekutu. Kuota ini dibasmi dua tiga tahun menjelang kemerdekaan.

Bangsa Melayu telah dan sedang terus mengalami banyak perubahan tetapi satu perkara yang belum berubah dengan sewajarnya dan ia terpenting ialah pembaharuan sikap dan pendekatan mereka terhadap kehidupan dan kenyataan. Seperti ditegas oleh Dr Mahathir orang kita segan berubah: terus mahu bertongkat (baca kuota), subsidi, keistimewaan. Budaya kita, pada pendapat saya, keseluruhannya segan bekerja, iaitu malas.

Media luar negara menegaskan walaupun debat tentang kuota berlangsung bagaimana hangat sekalipun orang Melayu akan menentang habis-habisan pembasmian kuota yang sedia ada. Maka janganlah harap peruntukan itu akan dikaji semula; mungkin kuota baru tidak akan diadakan lagi.

Umno ditubuhkan 56 tahun dulu bagi memperjuangkan hak istimewa dan kemerdekaan, iaitu ketuanan Melayu (bukan untuk jadi pemandu kereta dan buruh tetapi tuan, pegawai, profesional, orang bisnes dan sebagainya) tetapi untuk melahirkan satu bangsa yang berdikari dan bermaruah. Setelah lebih separuh abad kita masih dan terus berjuang. Seperti ditegas oleh Dr Mahathir andainya "kita cabut semua orang Cina di Kuala Lumpur termasuk rumah dan bangunan mereka, apa yang tinggal ... Kampung Baru saja,". Itu pun saya telah melihat Kampung Baru bukan lagi 100 peratus Melayu - sudah ada orang Bangladesh, India Islam membuka restoran dan orang Cina mengurus bengkel dan jual kereta dan motosikal. Hatta Kampung Baru pun sudah dicabuli! Ke mana kita selepas ini? Tepuk dada tanya selera.

Kita sekarang menguasai kerajaan walaupun bukan semutlak Cina di Singapura, orang Putih di Australia, orang Pakistan di Pakistan. Kita terus daif dalam ekonomi. Berapa usahawan yang kita ada? Tiada seorang pun bilionaire. Enam rakyat Malaysia yang terkaya: lima Cina dan seorang India keturunan Sri Lanka.

Saya dididik untuk berlumba-lumba mengejar ilmu, rezeki dan memberi khidmat, yakni melakukan fardu kifayah bukan setakat fardu ain saja. Mengerjakan hanya fardu ain melambangkan selfishness - yakni memikir hanya diri sendiri dan Allah SWT tidak suka kepada orang yang memikir lebih banyak keperluan dan kebajikan dirinya dan lokek membuat kebajikan untuk masyarakat.

Allah mahu kita berdikari. Kita mahu bangsa kita bangga dan megah dengan usaha dan ikhtiar sendiri; tidak terlampau manja dan bergantung kepada kerajaan.

Kenapa rumpun Cina, Korea dan Jepun bahkan India pun maju walaupun di luar negara asal mereka?

(END)